

## Solidariti Agama dalam Hubungan Inter-Komuniti di Sabah

### *Religious Solidarity in Inter-Community Relations in Sabah*

SURAYA SINTANG, KHADIJAH MOHD. KHAMBALI@HAMBALI MOHD. NAZMI MOHD. KHALLI & MOHD. NUR HIDAYAT HASBOLLAH HAJIMIN

#### ABSTRAK

*Agama penting bagi membangun ikatan sosial dan mempunyai fungsi integratif bagi memperkukuh integrasi sosial dan membangkitkan semangat solidariti. Solidariti yang dipamerkan melalui kesungguhan sikap menolak kebencian dan menyuburkan kedamaian mampu menjamin kelangsungan hidup bersama antara pihak berbeza agama. Namun dalam usaha membina solidariti agama, ia kadangkala mencetuskan polemik apabila wujud tanggapan bahawa usaha ini cuba menyamaratakan agama atau mencampuradukkan ajaran agama. Solidariti agama bukan satu inisiatif untuk menyamaratakan atau mencairkan agama dengan mewujudkan ikatan akrab dengan pihak berbeza agama. Sebaliknya, solidariti agama menggambarkan kecenderungan untuk memilih perdamaian dan mengelakkan permusuhan kerana masyarakat saling bergantung untuk mencapai kesepaduan sosial. Fenomena sosial ini dapat dilihat melalui cara hidup masyarakat Sabah yang tinggal di bandar mahupun di kawasan pedalaman. Kajian ini bertujuan memerihalkan solidariti agama dalam hubungan inter-komuniti di Sabah dengan mengetengahkan amalan dan contoh teladan (sharing good practices) yang dipamerkan melalui program libat sama masyarakat, keluarga campur yang berbeza agama dan hubungan sosial antara agama di pedalaman Sabah. Metode kualitatif diaplikasikan berdasarkan pengumpulan data daripada beberapa siri kajian lapangan di daerah Kota Kinabalu, Keningau, Kota Marudu, Tambunan dan Tenom. Kaedah temu bual secara bersemuka bersama informan utama daripada kalangan pemimpin agama Islam dan bukan Islam serta temu bual secara rawak bersama penduduk setempat di daerah terpilih bagi menjelaskan hubungan inter-komuniti antara pihak berbeza agama di Sabah. Kaedah pemerhatian ikut-serta di lapangan turut digunakan bagi menjelaskan aktiviti libat sama masyarakat dalam program forum, dialog dan lawatan ke rumah-rumah ibadah. Kesemua data yang diperolehi diolah dalam bentuk analisis tematik bagi menghuraikan fungsi agama sebagai pengukuh integrasi sosial dan pencetus semangat solidariti yang diperlihatkan melalui sikap kebersamaan antara pihak berbeza agama. Melalui sikap sebeginilah, masyarakat Sabah sering dilabel sebagai toleran dan mempunyai ketahanan diri yang tinggi dalam menghadapi cabaran hubungan antara agama. Kajian ini merumuskan solidariti agama perlu disuburkan bagi menjamin kelangsungan keharmonian hidup bersama masyarakat Malaysia.*

*Kata kunci: Solidariti agama; kesepaduan sosial; hubungan inter-komuniti; Sabah; libat sama masyarakat*

#### ABSTRACT

*Religion plays an essential role in forming social relationships and serves as an integrative function in strengthening social integration and the evocation of solidarity. Solidarity displayed through the determination of rejecting hatred and fostering peace can ensure coexistence between parties of different religions. Yet, building religious solidarity sometimes triggers polemics when there is a perception that this effort is trying to promote religious syncretism and dilute the spiritual teaching. Religious solidarity is not an initiative to equalize or weaken religion by creating close bonds with different religious parties. On the other hand, religious solidarity reflects the tendency to choose peace and avoid enmity because societies are interdependent to achieve social cohesion. This social phenomenon visualized the lifestyles of the people in Sabah who live in urban or rural areas. This study aims to describe religious solidarity in inter-community relations in Sabah by highlighting the practices and examples (sharing good practices) exhibited through community engagement programs, mixed families of different religions, and social ties between religions in the interior of Sabah. Qualitative methods are applied based on data collection from a series of fieldwork in the districts of Kota Kinabalu, Keningau, Kota Marudu, Tambunan, and Tenom. Face-to-face interviews with key informants from Muslim and non-Muslim religious leaders and random interviews with residents in selected districts to explain the inter-community relationship between different religions in Sabah. The participatory field observation explained the community engagement activities in forums, dialogue, and visit houses of worship. All data obtained were analyzed in the form of thematic analysis to describe the function of religion as a reinforcer of social integration and a trigger for*

*the spirit of solidarity shown through the attitude of togetherness between different religions adherents. With the said attitude, Sabahans are often labeled as tolerant and resilient in the face of inter-religious issues due to their mindset. This study concludes that religious solidarity nurtured harmony in Malaysian society.*

*Keywords: Religious solidarity; social cohesion; inter-community relation; Sabah; community engagement*

## PENDAHULUAN

Kelangsungan hidup bermasyarakat memerlukan kejituan semangat solidariti kerana peranannya dalam menyatupadukan anggota masyarakat. Solidariti diperlukan kerana secara lumrahnya individu tidak dapat hidup dengan sendirinya tanpa sokongan ahli sosial yang lain. Redekop C.(1967) menyifatkan manusia sebagai *social animal* yang cenderung untuk saling bersama (*stick together*) dan manusia akan sakit sekiranya hidup menyendiri. Dalam usaha membina solidariti, anggota masyarakat perlu kepada hubungan yang baik dan toleransi antara pihak pelbagai agama dan etnik. Solidariti yang dipamerkan melalui kesungguhan sikap menyuburkan kedamaian dan menolak kebencian mampu menjamin kelangsungan hidup bersama dalam hubungan inter-komuniti yang berbeza agama. Peristiwa hitam di Christchurch, New Zealand pada 15 Mac 2019 telah mencetuskan semangat kumpulan pelbagai agama di Malaysia mengadakan Perhimpunan Aman Solidariti Kedamaian pada 20 Mac 2019 di Kuala Lumpur (Bernama 2019). Semangat solidariti yang digambarkan melalui kebersamaan komuniti berbeza agama ini merupakan salah satu daripada manifestasi sikap masyarakat Malaysia yang cinta kedamaian dan benci permusuhan.

Ahli sosiologi menggambarkan solidariti sebagai kesepaduan, integrasi dan ikatan antara kelompok individu berasaskan pertanggungjawaban dan tindakan bersama (Durkheim 1933; Hechter 2015). Pada kelazimannya, istilah yang sering diguna pakai bagi menggambarkan kesepaduan dan keterikatan antara masyarakat ialah solidariti sosial. Konsep solidariti sosial secara khususnya menggambarkan kesepaduan antara kelompok individu dalam masyarakat bagi menjamin kestabilan dan keteraturan masyarakat. Solidariti sosial tidak hanya melibatkan tanggungjawab secara kolektif bagi membangun kesejahteraan anggota masyarakat tetapi juga menekankan keprihatinan terhadap keperluan dan kepentingan golongan yang memerlukan atau golongan rentan (*underprivileged members of the group*) (C. Mishra & N. Rath. 2020).

Konsep solidariti agak sukar dijelaskan apabila dikaitkan dengan agama, iaitu solidariti agama (*religious solidarity*) kerana istilah ini

seolah-olah menggambarkan satu usaha untuk mencampuradukkan ajaran agama (sinkritisme agama) atau mencairkan atau menyamaratakan agama. Dalam konteks kajian ini, solidariti agama yang dimaksudkan bukan atas tujuan atau maksud tersebut. Sebaliknya kajian ini cuba menjelaskan bagaimana solidariti antara pihak berbeza agama boleh disuburkan dan jarak sosial boleh dirapatkan melalui keterlibatan dalam aktiviti kemasyarakatan atau program libat sama masyarakat (*social engagement*). Solidariti agama turut dijelaskan melalui fenomena agama di pedalaman Sabah yang disifatkan tidak menonjolkan keterasingan sosial (*social isolation*) kerana kepelbagaian agama atau agama yang berbeza boleh ditemui dalam sesebuah keluarga. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan memerihalkan solidariti agama yang dijelaskan melalui hubungan inter-komuniti antara pihak berbeza agama di Sabah dengan mengetengahkan amalan dan contoh teladan (*the best practices*) yang dipamerkan melalui aktiviti kemasyarakatan dan hubungan kekeluargaan daripada keluarga campur yang berbeza agama.

## HUBUNGAN INTER-KOMUNITI DI SABAH

Sebelum dijelaskan konsep solidariti agama, makalah ini terlebih dahulu menghuraikan hubungan inter-komuniti di Sabah dengan mengetengahkan kepelbagaian etnik dan sejarah perkembangan agama yang agak unik dan berbeza daripada pengalaman negeri-negeri lain di Malaysia. Hubungan inter-komuniti dalam kepelbagaian etnik di Sabah disifatkan positif (Kntayya 2007) dan menunjukkan tahap toleransi etnik yang tinggi (Budi Anto & Saidatul Nornis 2020). Namun demikian, perbezaan dimensi sosial masih memperlihatkan sedikit sebanyak kecenderungan ikatan keetnikan yang mempengaruhi persepsi dan kesanggupan bekerjasama dalam menjalinkan hubungan. Hal ini dapat dilihat dalam aspek pemilihan pemimpin politik apabila segelintir besar masyarakat Sabah masih menekankan etnik daripada kalangan mereka dan pada masa yang sama bersedia menerima pemimpin daripada kalangan etnik lain. Penerimaan kepimpinan politik seumpama ini menggambarkan

kesediaan masyarakat Sabah mengamalkan perkongsian kuasa (Budi Anto & Saidatul Nornis 2020) bagi menjamin kestabilan politik Sabah dapat dikekalkan.

Hubungan inter-komuniti di Sabah digambarkan berlangsung dalam bentuk interaksi seharian dan bukan secara bermusim mengikut sambutan perayaan atau majlis keramaian tertentu. Melalui jalinan interaksi seharian inilah, kesepaduan sosial di Sabah berlaku secara spontan atau natural dan tidak dibentuk secara berstruktur melalui penubuhan institusi tertentu. Masyarakat Sabah bebas bergaul dan bersosialisasi tanpa batas etnik dan agama lantaran mereka berkongsi pengalaman tinggal bersama yang tidak hanya boleh ditemui di kawasan kejiranan di bandar tetapi juga di kampung-kampung di pedalaman Sabah. Kesepaduan sosial dapat dilihat melalui sikap masyarakat Sabah yang sedia berkompromi dan mudah berunding dalam meleraikan sebarang isu dan konflik yang melibatkan etnik dan agama (Suraya et al. 2019). Ungkapan yang lazim didengar “kita-kita saja bah”, menggambarkan sifat kekitaan dan semangat kesepunyaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Sabah. Hal ini secara tidak langsung berupaya memperkukuh ikatan solidariti antara etnik dan agama atas dasar semangat cinta tanah air mengatasi kepentingan lain dan melunturkan sifat egoisme seseorang yang ingin ‘memenangkan’ atau mementingkan etniknya sahaja.

Hubungan inter-komuniti di Sabah juga boleh difahami secara perbandingan dengan beberapa kajian lepas yang menunjukkan bahawa sifat prejudis di Semenanjung adalah lebih tinggi berbanding di Sabah. Laporan kajian Azizan et al. (2004) menunjukkan tahap prejudis dapat dikesan dalam kalangan responden yang tinggal di kawasan penempatan majoriti Islam di Semenanjung berbanding di kawasan penempatan yang sama di Sabah dan Sarawak. Hasil dapatan kajian tersebut selari dengan beberapa kajian hubungan etnik di Sabah yang dijalankan oleh Chua Bee Siok et al. (2016) dan Budi Anto & Saidatul Nornis (2020). Kajian Chua Bee Siok et al. (2016) mendapati etnik Kadazandusun, Bajau, Murut dan Cina di Sabah merupakan kumpulan etnik yang menghormati etnik lain dan mempunyai pemikiran dan sikap terbuka. Sungguhpun terdapat pelabelan negatif bagi setiap etnik tersebut seperti panas baran atau suka bergaduh (Bajau), kurang membantu orang (Cina), kuat minum minuman keras (Kadazandusun), banyak cakap dan suka mengkritik (orang Brunei), kurang

berkeyakinan dan malas berusaha (Murut). Namun pelabelan sikap negatif tersebut menurut Budi Anto & Saidatul Nornis (2020), tidak dapat membuktikan sikap prejudis dan stereotaip antara etnik dan sekiranya wujud pun unsur tersebut, ia tidak begitu ketara. Pelabelan tersebut merupakan tanggapan umum terhadap ciri etnik di Sabah dan tanggapan ini tidak menjejaskan toleransi etnik. Justeru, Budi Anto merumuskan tahap toleransi etnik di Sabah masih pada tahap yang tinggi kerana sikap prejudis antara etnik masih berada pada tahap yang terkawal.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong hubungan inter-komuniti yang pelbagai etnik dan agama di Sabah berada pada tahap yang tinggi dan positif. Kajian sosial di Sabah telah banyak menghuraikan hal ini (Kntayya 2007; Sabihah 2007; Hasan 2007; Azizah 2004; Budi Anto 2008, Suraya 2012; Pugh-Kitingan 2015), dan dapat dirumuskan bahawa faktor pendorong toleransi etnik dan toleransi agama yang tinggi di Sabah disebabkan faktor berikut, iaitu:

1. perkongsian kawasan kediaman dan penempatan yang sama tanpa sistem pecah dan perintah sebagaimana yang diamalkan oleh British di negeri-negeri di Semenanjung. Situasi ini dapat merapatkan jarak sosial dan tidak melebarkan polarisasi kaum atau etnik di Sabah sehingga mendorong pergaulan atau percampuran berlaku secara semula jadi tanpa elemen paksaan penjajah;
2. masyarakat Sabah dikenali sebagai masyarakat yang cenderung mengamalkan cara hidup ‘ringkas’ dan ‘mudah’ tanpa terikat dengan sistem kekerabatan beraja sehingga membentuk masyarakat yang sama-rata sebagai orang kebanyakan. Kesamarataan ini mendorong masyarakat Sabah tidak merasa terpinggir atau merasa lebih *superior* atau ketuanan berbanding etnik lain;
3. tidak ada etnik dominan (melebihi 50 peratus) di Sabah sehinggakan setiap etnik perlu bergantung dengan etnik lain dalam menjalankan aktiviti sosioekonomi dan kebergantungan perkongsian kuasa politik dalam mengurus pentadbiran negeri Sabah;
4. berkongsi budaya yang hampir sama atas faktor wujud ikatan keturunan atau asal usul yang sama sebagai peribumi Sabah (*native people of Sabah*) atau dikenali sebagai orang asal;
5. mengamalkan perkahwinan campur tanpa mengira etnik secara berleluasa dan kesediaan

- bertukar agama sekiranya melibatkan perkahwinan rentas agama;
- berkongsi bahasa pertuturan yang sama menggunakan Dialek Melayu Sabah (DMS) yang mendorong hubungan antara etnik begitu akrab dan intim kerana jiwa bahasa telah tertanam di mana pun mereka berada. Bagi anak perantau Sabah, penggunaan DMS ini dapat mengurangkan masalah *'tongue twist'* dan pergaulan lebih mudah dan kecenderungan mereka bergaul sesama mereka kerana tidak perlu bertukar bahasa atau dialek dan bebas menuturkan perkataan atau kosa kata yang difahami mengikut *'slang'* orang Sabah';
  - kecenderungan sikap masyarakat Sabah yang cinta perdamaian dan benci permusuhan atau pertelingkahan. Sebagai contoh, isu yang melibatkan kalimah Allah pada tahun 2010 yang menjejaskan ketenteraman awam sehingga berlakunya vandalisme agama (*religious vandalism*) di beberapa buah rumah ibadah di Semenanjung. Namun, kes seumpama ini tidak dilaporkan di Sabah sedangkan bilangan penganut agama Kristian jauh lebih tinggi berbanding di Semenanjung dan agama Kristian merupakan agama kedua terbesar di Sabah.

Hubungan inter-komuniti di Sabah juga boleh ditelusuri melalui sejarah perkembangan agama Islam dan Kristian yang mencorak kehidupan bertamadun masyarakat peribumi Sabah. Kehidupan bertamadun bermula setelah berlaku proses penerimaan agama Islam dan Kristian sehingga mempengaruhi penukaran agama daripada kehidupan "tiada agama" (berasaskan kepercayaan animisme) kepada kehidupan "beragama" (berasaskan undang-undang dan tatasusila moral yang ditetapkan) (Suraya 2012). Sejarah perkembangan agama Islam dan Kristian mencatatkan fasa penerimaan agama yang berbeza dalam kalangan masyarakat peribumi Sabah. Penerimaan agama Islam dalam kalangan peribumi Sabah khususnya etnik Kadazandusun hanya mula berlaku pada tahun 1940an di daerah Ranau melalui aktiviti dakwah secara perubatan yang dibawa oleh Mandur Syariff atau nama sebenarnya Raden Adiniwata. Selanjutnya berkembang melalui pengaruh dakwah daripada pertubuhan USIA (*United Sabah Islamic Association*) yang bergiat aktif menjalankan program pengislaman di kawasan pedalaman Sabah pada tahun 1970an. Sasaran dakwah adalah daripada kalangan peribumi Sabah yang belum menganut sebarang agama di daerah Ranau,

Tambunan, dan Tenom. Sebaliknya, penerimaan agama Kristian dalam kalangan peribumi Sabah khususnya etnik Kadazandusun telah bermula sejak syarikat perniagaan yang dikuasai British, *North Borneo Chartered Company* (NBCC) atau Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) bertapak di Sabah pada tahun 1881 yang turut sama menyebarkan agama Kristian aliran gereja Katolik. Gereja Sacred Heart merupakan gereja pertama ditubuhkan di Sabah pada tahun 1857. Seterusnya, agama Kristian berkembang pesat melalui peranan misionari Mill Hill, England yang tidak hanya aktif menyebarkan agama Kristian tetapi juga memberi tunjuk ajar cara penanaman sayur sebagai sumber pendapatan, memberi bimbingan kesihatan dan pendidikan kepada masyarakat Kadazandusun (Suraya 2003).

Sejarah perkembangan dan penerimaan agama Islam dan Kristian ini mempengaruhi hubungan inter-komuniti di Sabah apabila anutan agama masyarakat peribumi Sabah tidak tertumpu kepada satu anutan agama sahaja. Masyarakat Kadazandusun, misalnya, sebahagian besar daripada kalangan mereka adalah beragama Kristian, namun terdapat segelintir daripada kalangan mereka yang beragama Islam sama ada mereka yang lahir daripada generasi pertama yang memeluk Islam atau mereka yang bertukar agama kepada Islam atas dorongan pelbagai faktor. Terdapat juga sebilangan kecil daripada kalangan mereka yang masih kekal dengan agama tradisional yang mereka gelar diri mereka sebagai pagan. Dengan kata lain, agama dan etnik bertindan lapis sehinggakan identiti etnik Kadazandusun dikenali sebagai majoriti penganut Kristian dan pada masa yang sama sebahagian mereka yang lain dikenali sebagai Dusun Islam. Boleh dikatakan masyarakat peribumi Sabah bersikap terbuka dan fleksibel dalam menerima sesuatu agama sehingga ia memberi kesan kepada terbentuknya keluarga beza agama yang boleh ditemui di mana-mana sahaja sama ada di kawasan bandar mahupun pedalaman.

Dengan itu dapat dijelaskan bahawa anutan agama bagi masyarakat peribumi Sabah tidak ditentukan atas faktor keturunan atau warisan sebagaimana yang lazim berlaku dalam kalangan Muslim asal yang mendiami kawasan pantai barat dan pantai timur Sabah seperti etnik Melayu-Brunei, Bajau, Kadayan, Suluk, Bugis, Jawa, Idahan dan Kokos. Sebaliknya, dipengaruhi oleh faktor sejarah awal penerimaan agama dan kecenderungan penukaran agama atas sebab perkahwinan campur atau kesedaran diri sendiri. Berdasarkan pengalaman

sejarah perkembangan agama Islam dan Kristian di Sabah inilah yang menjadikan hubungan inter-komuniti yang melibatkan kedua-dua agama disifatkan berlangsung dalam bentuk hubungan persahabatan dan persaudaraan. Hubungan persahabatan dibentuk melalui pengalaman tinggal bersama, bekerja dan belajar dalam persekitaran yang sama serta menjalankan aktiviti perekonomian untuk berjual beli di tempat yang sama iaitu di 'tamu' (pasar tani). Proses sosialisasi formal dan informal ini telah bermula sejak zaman kanak-kanak di peringkat sekolah dan kejuruan sehingga ke peringkat dewasa di alam pekerjaan dan premis niaga (Suraya 2012; Suraya et al. 2013).

Hubungan persahabatan ini semakin berkembang apabila berlakunya perkahwinan campur sehingga membentuk hubungan persaudaraan antara ahli keluarga yang berbeza agama dan etnik. Bentuk hubungan seumpama ini, kadangkala dicemari dengan sikap "bermasam muka" akibat berkecil hati atau "tersentuh" dengan perkara sensitif. Namun, hubungan yang diikat dengan jalinan persahabatan dan persaudaraan, sekiranya berlaku konflik atau pertelingkahan, ia agak mudah dileraikan melalui proses mediasi (*middle path*) atau jalan tengah dengan mengadakan perbincangan dua hala dan perundingan secara bersemuka kerana wujud ikatan kasih sayang antara mereka. Hubungan kedua-dua agama ini tidak bersifat *superior-inferior* dan tidak juga bersifat pasang-surut sebagaimana hubungan yang lazim ditemui dalam kebanyakan bentuk hubungan antara agama dan etnik. Sebaliknya, hubungan kedua-dua agama ini bersifat persaingan sihat dalam menyebarkan agama masing-masing khususnya dalam kalangan mereka yang belum menganut sebarang agama. Kedua-dua agama ini juga menonjolkan persaingan sihat dalam aspek pendidikan dengan menjadikan agama sebagai platform meningkatkan pembangunan modal insan dan memartabatkan ketamadunan masyarakat peribumi Sabah.

Sehubungan itu, kajian ini menghujahkan bahawa hubungan inter-komuniti di Sabah yang diwarnai dengan kerencaman etnik dan agama serta keunikan pengalaman sejarah dan cara hidup yang tersendiri (*lifestyles*) merupakan platform yang sesuai dalam menggambarkan solidariti agama di Sabah berdasarkan konteks semasa dan realiti sosial yang dilalui masyarakat di negeri ini.

## KONSEP SOLIDARITI AGAMA

Solidariti merupakan perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris iaitu '*solidarity*' yang bermaksud perpaduan secara kumpulan berdasarkan objektif dan kepentingan sebuah komuniti (Merriam-Webster Dictionary 1841). Konsep solidariti ini mula diperkenalkan oleh ahli sosiologi Perancis iaitu, Emile Durkhiem (1933) menjelaskan bahawa solidariti merupakan asas untuk mempelajari nilai dan norma sesebuah komuniti yang membentuk kesatuan bersama melalui kesepakatan untuk menentang penyelewengan dan mempromosi ketertiban sosial (Draper 2014).

Durkheim membahagikan pengertian solidariti melalui dua dikotomi atau keadaan iaitu, solidariti mekanik dan organik. Solidariti mekanik dapat dilihat dalam masyarakat tradisional yang berkongsi persamaan antara individu kerana wujud ikatan asas yang membolehkan anggota masyarakat saling bergantung atas faktor ikatan kekeluargaan (*kinship*), keturunan dan kawasan kediaman. Masyarakat tradisional ini juga bersifat homogeniti kesan daripada wujud kesedaran kolektif yang merujuk kepada seperangkat kepercayaan dan sentimen yang sama yang menentukan sistem dan cara hidup bermasyarakat.

Solidariti organik pula dapat dilihat dalam konteks masyarakat moden yang dicirikan dengan kepelbagaian rencam dan masing-masing mengejar cita-cita dan keinginan sendiri. Kesedaran kolektif memandu semangat solidariti mekanik masyarakat tradisional. Sementara solidariti organik dibina berasaskan agihan tugas pekerjaan mengikut kemahiran dan kepakaran masing-masing, dan saling bergantung antara mereka (C. Mishra & N. Rath 2020). Dengan lebih jelas lagi, solidariti organik ini dapat digambarkan seperti keadaan ekonomi sebuah masyarakat yang saling memerlukan antara satu sama lain, misalnya petani memerlukan peniaga untuk menjualkan hasilnya dan begitulah seterusnya. Maka dalam konteks solidariti organik ini, keperluan suatu sumber atau asas memerlukan pelbagai pihak untuk menyertainya (Johnson 2008).

Stjerno (2004) dan Hauke Brunkhrost (2005) pula menjelaskan solidariti hanya terbatas pada bidang politik seperti hal-hal nasionalisme, demokrasi dan hak asasi manusia. Lawrence Wilde (2007) pula berpandangan bahawa solidariti

tidak tertakluk kepada suatu pihak atau kumpulan tertentu, sebaliknya solidariti ialah perasaan simpati dan kebertanggungjawaban bersama di antara anggota kumpulan yang mempromosikan sokongan bersama. Atas dasar itu, John Baker et al. (2004) menjelaskan solidariti mempunyai unsur-unsur subjektif dan emosi, iaitu dikaitkan dengan 'cinta' dan 'persahabatan', yang menuntut seseorang itu berjuang untuk mendapatkannya.

Ibnu Khaldun (1332-1406) menggunakan istilah *asabiah* ('*ashabiyyah*) bagi menjelaskan solidariti atau semangat kekitaan. '*Ashabiyyah* ialah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab, dibina daripada akar kata "*asaba*" bermaksud mengikat (Ibn Khaldun, 2009). Istilah yang sama digunakan dalam bahasa Inggeris, "*bonding*" yang memberi makna yang sama dengan "*asaba*", iaitu ikatan. Kedua-dua kosa kata tersebut tidak merujuk kepada satu bentuk ikatan biasa semata-mata. Sebaliknya, ikatan yang disulami dengan kasih sayang, simpati dan kebaktian (*serve the others*) dalam menjalin sesuatu hubungan sama ada hubungan dengan orang lain mahupun hubungan sesama kelompok keluarga. Dengan lebih jelas lagi, ikatan silaturahim atas nama kemanusiaan tanpa mengira perbezaan agama dan etnik. Siti Nor Azhani & Latifah (2017) menjelaskan pendapat Ibnu Khaldun yang menyatakan bahawa *asabiah* ialah perasaan saling sayang menyayangi sesama ahli dalam sesebuah kelompok sehingga mendorong kepada sikap taat setia, saling tolong menolong, bekerjasama, hormat menghormati, hidup secara sederhana, patuh kepada norma masyarakat dan pemimpin, berani menegakkan kebenaran sehingga sanggup berjuang dan berkorban demi mempertahankan ahli serta tanah air, dan dapat mengatasi sifat-sifat mementingkan diri dan individualistik.

Ibnu Khaldun menjelaskan istilah *asabiah* berdasarkan dua pengertian. Pengertian pertama bermakna positif dengan merujuk kepada konsep persaudaraan (*brotherhood*). Dalam sejarah peradaban Islam konsep ini membentuk solidariti sosial masyarakat Islam untuk saling bekerjasama, mengetepikan kepentingan peribadi (*self-interest*), dan memenuhi kewajiban bersama. Semangat ini kemudian mendorong terciptanya keselarasan sosial dan menjadi kekuatan dalam membangkit dan memajukan peradaban (Muh. Ilham, 2016). Ahmad Syafi'i Ma'arifa (1996), dalam penulisan beliau mengambil pandangan Ibnu Khaldun bahawa *asabiah* merujuk kepada ikatan sosial yang dapat digunakan untuk mengukur kekuatan

kelompok sosial. Pengertian kedua, *asabiah* juga dapat difahami sebagai solidariti sosial, dengan menekankan pada kesedaran, kesepaduan dan persatuan kelompok. Muhammad Mahmud Rabie' (1967) pula menjelaskan *asabiah* merupakan suatu jalinan sosial yang dapat membangun kesatuan sebuah bangsa, sama ada dalam ikatan kekeluargaan mahupun kemasyarakatan.

Dengan itu dapat dijelaskan konsep *asabiah* yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun adalah selari dengan makna solidariti yang tidak hanya merujuk kepada ikatan sesama manusia tetapi juga ikatan yang berperanan sebagai pencetus semangat kesepaduan (*cohesion*) dan kesepakatan (*concensus*). *Asabiah* menyuburkan nilai-nilai murni bagi membangun keharmonian dan melestarikan kesejahteraan masyarakat agar nikmat pembangunan negara dapat dikecapi bersama. Sungguhpun *asabiah* kadangkala disempitkan kefahamannya dengan hanya merujuk kepada persaudaraan sesama agama (Islam) sebagaimana yang digambarkan dalam sejarah peradaban Islam, namun istilah *asabiah* tidak bermaksud ketaksuban atau mengikut membuta tuli terhadap agama tertentu. Sebaliknya, *asabiah* sebagaimana yang dijelaskan di atas ialah satu istilah yang membangkitkan semangat kekitaan, persaudaraan, kedamaian dan rasa keinsanan untuk saling membantu dan menyantuni golongan atau mana-mana kelompok manusia yang memerlukan. Selain itu, pandangan Ibnu Khaldun juga dalam menepis pandangan mengenai *asabiah* sebagai satu bentuk ketaksuban adalah dengan menjelaskan bahawa meskipun masyarakat itu dilihat dengan latar belakang yang berbeza, namun adalah wajar *asabiah* diamalkan dengan menunjukkan keterbukaan dan sikap saling menghormati dalam mencapai matlamat yang sama untuk dicapai secara kolektif (Siti Nor Azhani Mohd Tohar et al. 2020). Melalui semangat *asabiah* dan solidariti, timbul perasaan yang menjentik hati dan naluri anggota masyarakat untuk saling berganding bahu menghulurkan bantuan dan meringankan beban kesusahan yang dihadapi oleh pihak lain tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan negara. Melalui *asabiah* dan solidariti ini jugalah, semangat cintakan perdamaian dan bencikan permusuhan dapat disuburkan yang secara tidak langsung dapat memperkukuhkan lagi ikatan dan jalinan hubungan inter-komuniti melangkaui batas perbezaan.

Selain itu, konsep ukhuwah turut berkait dengan solidariti ini. Masyarakat sering melihat ukhuwah Islamiyah sebagai persaudaraan terhadap

sesama Muslim. Ukhuwwah Islamiyah (*Islamic brotherhood*) berbeza dengan *ukhuwwah bayn al-Muslimin* atau *al-Ikhwān al-Muslimūn* (*Muslim brotherhood*). Maksud persaudaraan antara sesama Muslim itu asasnya bukan ukhuwwah Islamiyah, tetapi lebih dirujuk sebagai *ukhuwwah bayn al-Muslimin/ al-Ikhwān al-Muslimūn* (*Muslim Brotherhood*). Kita menilainya daripada aspek nahu, ukhuwwah Islamiyah ialah dua kalimah *mawshuf* atau kata yang disifati (ukhuwwah) dan sifat atau kata yang mensifati (Islamiyyah). Justeru, ukhuwwah Islamiyah sewajarnya diertikan sebagai persaudaraan yang didasarkan kepada nilai-nilai Islam. Manakala persaudaraan antara sesama Muslim dirujuk sebagai *ukhuwwah diniyyah*. Ini bermaksud bahawa istilah-istilah seperti *ukhuwwah diniyyah* (persaudaraan terhadap sesama Muslim), *ukhuwwah wataniyyah* (persaudaraan berdasarkan citra nasionalis/kebangsaan), dan *ukhuwwah basyariyyah* (persaudaraan berdasarkan sesama makhluk Allah) boleh dirujuk sebagai ukhuwwah Islamiyyah. Ukhuwwah Islamiyah tidak hanya berdasarkan persaudaraan dengan sesama Muslim sahaja, bahkan ia merangkumi persaudaraan dengan setiap individu sekalipun berbeza anutan kepercayaan, keyakinan dan agama; asalkan dilandasi dengan nilai-nilai luhur Islam seperti saling menghormati, menyantuni dan saling menghargai antara individu. Konsep ukhuwwah ini boleh dikategorikan kepada berikut:

#### AL-UKHUWAH AL-MUWATANAH

Menurut Zulkifli Hassan, dalam mengolah semula konsep ukhuwwah dan hubungan dengan non-Muslim, konsep '*al-Ukhuwat al-Muwatinun*' dan '*al-Ukhuwat al-Insaniyyah*' perlu dijadikan tema perbincangan dan diberikan ruang yang sewajarnya untuk dijadikan satu pendekatan yang lebih segar dan berkesan (Zulkifli Hassan 2016). Bahkan istilah '*al-Muwatinun*' ini dilihat mampu memberikan tasawwur baru dalam metode dan pendekatan hubungan antara umat beragama dalam konteks Malaysia.

Sementelah Dr Siddiq Fadhil dalam ucapan dasarnya di Ijtima' Harakiy ABIM 2013 berpandangan bahawa konsep saudara senegara adalah amat bertepatan dalam merujuk golongan minoriti bukan Muslim di Malaysia. Malahan dalam aspek ini, Yusuf al-Qaradhawi mengesyorkan skim cukai yang sama rata '*dharibah takaful*' dengan mengambil kira status sebagai warga negara atau saudara senegara (al-Qaradawi 2010) dan bukan lagi

dalam bentuk jizyah yang terpakai ke atas *ahl al-dhimmi*. Ini disepakati oleh Fahmi Huwaidi di dalam bukunya '*Muwatinun la Dhimmiyun*' (1999) yang berpandangan bahawa istilah *ahl dhimmah* ini perlu digantikan dengan istilah yang lebih tepat dalam konteks negara bangsa Malaysia, (Zulkifli Hassan 2016) selagimana non-Muslim memperlihatkan ketaatsetiaan mereka kepada negara bahkan turut menjaga nama baik dan mempertahankan negara.

#### AL-UKHUWAH AL-INSANIYYAH

Ukhuwwah Insaniyyah merupakan persaudaraan dan persahabatan sesama manusia tanpa mengira latarbelakang etnik, budaya, fahaman, anutan kepercayaan, bahasa dan agama. Manusia sebagai makhluk sosial memerlukan antara satu sama lain dalam kelangsungan hidup yang memenuhi hubungan ekonomi, politik, pendidikan, peradaban, kebudayaan dan segalanya berkaitan hidup. Ia merangkumi hak-hak asasi manusia. Hubungan ini diterjemahkan dalam nilai-nilai dan prinsip jaminan hak-hak asasi manusia yang dilantunkan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Bahkan menurut Muhammad Fathi Uthman di dalam bukunya '*Huquq al Insan baina al Shari'ah al Islamiyah wa al Fikri al Qanun al Gharbi*' Islam lebih unggul melindungi hak-hak asasi manusia berbanding agama lain tidak kira sama ada ia bersifat peribadi, pemikiran, politik, undang-undang, sosial dan ekonomi (c 2010).

Antara ayat al-Qur'an yang menyentuh perihal tersebut iaitu ayat 70 surah al-Isra yang bermaksud, "Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam", telah dikupas oleh Dr Zulkifli Hassan dengan tegas menyatakan bahawa Allah memuliakan manusia dan mengiktiraf hak-hak asasi yang sebahagian besarnya adalah menjadi kewajipan setiap individu (Zulkifli Hassan 2016). Melalui intipati ayat ini, dalam hubungan antara umat beragama perlu memberi perhatian kepada pengutamaan dalam melindungi dan memperjuangkan hak-hak asasi manusia agar dapat dilihat keuniversalan Islam itu secara hakiki. Ini kerana Islam tidak pernah menyetujui sempadan kesukuan yang sempit. Malahan, tidak ada golongan yang diunggulkan semata-mata kerana darah keturunan, ataupun warisan yang dipusakai dari bapanya (Zulkifli Hassan 2016).

Keunggulan bukan hak eksklusif golongan tertentu, tetapi ditawarkan kepada semua golongan manusia yang sanggup memenuhi syarat. Keunggulan seperti itulah yang menjadi syarat di dalam surah Ali

‘Imran ayat 110, “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik”. Keunggulan yang mendapat pengiktirafan Allah dalam ayat tersebut memiliki tiga kriteria iaitu komitmen terhadap nilai-nilai kemakrufan, berjuang menentang gejala kemungkaran dan beriman dengan Allah dengan sebenar-benar keyakinan.

Sehubungan itu, amat penting dalam solidariti agama ini turut mengambil pendekatan yang lebih terbuka dengan mengambil kira nilai-nilai yang bersifat universal. Status *al-muwatinun* dan *al-insaniyyah* itu wajar direncamkan dalam usaha memastikan solidariti agama berlangsung dan sekaligus mendorong ke arah jaminan keharmonian dan kerukunan masyarakat. Tuntasnya, solidariti agama merupakan pendekatan yang amat relevan dalam konteks masyarakat masa kini.

Definisi solidariti agama secara khusus tidak dibincangkan oleh pengkaji sebelum ini disebabkan pengistilahan solidariti dan agama itu sudah merujuk kepada kesepaduan (*central of cohesion*) yang merangkumi pemaknaan *al-muwatinun* dan *al-insaniyyah* menjadi pendorong kepada kerjasama antara berlainan pihak. Walau bagaimanapun, beberapa teori pengkaji seperti Draper S. 2014; Mark S. Cladis 2017; Rabia Karakaya Polat 2018; Deasy Silvy 2019; M. Reza Mahdavi & Ardeshir Entezari 2020) membincangkan agama berperanan membentuk semangat solidariti antara masyarakat yang dipamerkan melalui simbolik kesatuan (*symbolic of unity*) antara mereka. Misalnya, Draper, S. (2014) dalam *Effervescence and Solidarity in Religious Organizations*, membincangkan teori ritual interaksi (*interaction ritual theory*) yang berupaya membentuk semangat solidariti antara organisasi agama sebagai simbolik kesatuan antara mereka. Selain itu, kajian oleh Mark S. Cladis (2017) dalam *Solidarity, Religion, and the Environment: Challenges and Promises in the 21st Century*, menyimpulkan bahawa agama dan semangat solidariti masyarakat mampu mengekalkan keseimbangan hubungan etnik dan alam sekitar. Sementara itu, Rabia Karakaya Polat (2018) dalam

kajiannya *Religious solidarity, historical mission and moral superiority* turut menyatakan peranan agama sebagai asas perpaduan dan nilai kemanusiaan. Kajian Siti Aliyuna et al. (2019) dalam *When Solidarity is Trampled by Religious Sentiment*, membincangkan solidariti agama antara masyarakat Muslim dan Buddha yang berbeza pandangan dalam meletakkan nilai kemanusiaan terhadap pelarian Rohingya di Indonesia.

Beberapa perbincangan lain juga turut menjelaskan kerangka teori solidariti agama seperti Joseph (2016) yang menyatakan solidariti agama berupaya mempromosikan toleransi beragama dan perpaduan antara masyarakat atas dasar hubungan kemanusiaan. Solidariti agama juga dilihat mampu menyumbang kepada pemeliharaan kelangsungan hidup bersama dan memupuk sikap kepedulian atau keprihatinan dalam mengekalkan hubungan damai sesama insan. Hal ini turut disimpulkan oleh Steinbach dan Silverstein (2020), semangat keagamaan dan solidariti telah menunjukkan bahawa agama mempunyai kesan positif terhadap hubungan antara generasi di Jerman tetapi kesannya berbeza-beza bergantung pada tahap sekularisasi yang menjadi amalan hidup mereka. Kenchana Mahadevan (2020) juga menyatakan agama sebagai asas spiritualiti kepada pembentukan solidariti.

Dengan itu dapat dirumuskan bahawa ‘solidariti’ dan ‘agama’ merupakan elemen asas yang berupaya memperkukuhkan kesepaduan sosial dalam masyarakat berbilang agama dan etnik. Menerusi semangat solidariti, ia berpengaruh agar tercapai objektif yang diinginkan bersama. Agama pula dilihat sebagai pemurni kepada solidariti yang mendorong nilai-nilai murni bagi menepis sikap fanatik dan ekstrem sesebuah komuniti. Agama berupaya membangun ikatan sosial dan mempunyai fungsi integratif bagi memperkukuh integrasi sosial dan membangkitkan semangat solidariti. Maka, dapat disimpulkan bahawa kunci utama dalam menjaga kestabilan (*stability*), kesinambungan (*continuity*) dan kelangsungan (*sustainability*) sebuah masyarakat itu terletak pada kekuatan dan keterikatan solidariti antara anggota masyarakat. Justeru, solidariti agama atau solidariti beragama yang digambarkan melalui kebersamaan komuniti berbeza agama merupakan salah satu daripada manifestasi sikap masyarakat Malaysia yang cinta kedamaian dan benci permusuhan. Melalui hujah inilah, kajian terhadap hubungan inter-komuniti diketengahkan sebagai landasan perbincangan dengan memfokuskan beberapa aktiviti libat sama




masyarakat dalam program yang berbentuk jalinan keharmonian; dan perkongsian pengalaman tinggal bersama dalam hubungan keluarga beza agama.

### METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif berdasarkan pengumpulan data di lapangan. Beberapa siri kajian lapangan telah dijalankan pada 18 September 2020 dan 21 Januari 2021 di daerah Keningau dan kajian lapangan 4 April 2021 di Kota Marudu, serta kajian lapangan pada 15 Disember 2017 di daerah Tenom dan Tambunan pada 25 Julai 2019 seperti yang ditandakan dalam Rajah 1 dalam peta negeri Sabah. Kesemua daerah yang terletak di bahagian pedalaman Sabah yang menempatkan penduduk etnik peribumi Sabah yang terdiri daripada Kadazan, Dusun, Murut dan Rungus. Melalui kajian lapangan ini, kaedah pemerhatian dan penglibatan ikut serta, dan temu bual secara bersemuka

digunakan bagi mendapatkan data yang berkaitan dengan aktiviti libat sama dan maklumat yang berkaitan dengan taburan agama dalam keluarga yang berbeza agama. Kaedah temu bual bersama informan utama (*key informants*) melibatkan pemimpin agama Islam dan bukan Islam dan temu bual secara rawak bersama penduduk setempat telah dijalankan di beberapa buah daerah pedalaman Sabah iaitu daerah Keningau dan Kota Marudu.. Manakala, penglibatan dan pengamatan ikut serta di lapangan merupakan penglibatan secara langsung penyelidik sama ada sebagai penganjur bersama ataupun peserta dalam aktiviti libat sama daripada program forum, dialog dan lawatan keharmonian (*Harmony Visit*) di kawasan sekitar bandar Kota Kinabalu. Analisis tematik digunakan yang diolah daripada pengumpulan data daripada kaedah temu bual dan pengamatan ikut serta bagi menjelaskan elemen dan indikator yang mempamerkan solidariti agama dalam hubungan inter-komuniti di Sabah.



RAJAH 1. Kawasan kajian dalam Peta Negeri Sabah  
 Sumber: Disesuaikan dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, 2015

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian lapangan di beberapa buah daerah di pedalaman Sabah dan bandar Kota Kinabalu yang menjadi lokasi kajian ini, hasil kajian mendapati solidariti agama dalam hubungan inter-komuniti di Sabah dapat dijelaskan melalui dua dimensi sosial, iaitu aktiviti kemasyarakatan (libat sama masyarakat), hubungan kekeluargaan yang mempamerkan keluarga campur daripada ahli yang berbeza agama dan hubungan sosial antara agama di pedalaman Sabah.

## AKTIVITI LIBAT SAMA MASYARAKAT

Aktiviti libat sama masyarakat merupakan salah satu indikator yang boleh diguna pakai dalam menggambarkan solidariti agama di Sabah. Pada kelazimannya, aktiviti libat sama merupakan aktiviti yang melibatkan kerjasama antara anggota masyarakat yang lazimnya dianjurkan oleh agensi kerajaan, industri, masyarakat setempat dan badan bukan kerajaan (NGO). Aktiviti libat sama bertujuan menggerakkan kebolehpayaan bersama untuk membentuk perubahan pengetahuan, sikap dan kemahiran serta mensasarkan misi untuk menyejahterakan masyarakat demi kelangsungan negara. Melalui aktiviti libat sama daripada pelbagai rangkaian dan jaringan kerjasama, amalan baik (*the best practices*) yang menonjolkan solidariti dapat diserlahkan.

Di Sabah, antara aktiviti libat sama yang pernah diadakan ialah Forum Harmoni 1Malaysia anjuran Hidayah Centre Foundation (HCF) cawangan Sabah pada 18 Disember 2016. Forum ini diadakan di Gereja SDA Kg. Morion, Kota Marudu di zon pedalaman, Sabah. Penyertaan dari kalangan penduduk setempat begitu menggalakkan apabila forum ini dihadiri seramai 150 orang yang terdiri daripada 100 orang penganut Kristian. Forum ini bertujuan menjalinkan hubungan baik antara masyarakat Islam dan Kristian serta memperbetulkan salah faham terhadap Islam (Laporan Tahunan HCF Cawangan Sabah, 2016). Selain itu, di Kota Kinabalu diadakan program Dialog antara Penganut Agama: Muhibbah Teras Perpaduan Nasional yang merupakan penganjuran bersama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Majlis dialog ini diadakan

pada 14 September 2017 di Dewan Canselor, UMS yang dihadiri lebih 2500 orang dan dirasmikan oleh YB Dato' Seri Jamil Khir Bin Baharom. Antara tujuan program ini diadakan untuk mengangkat nilai keharmonian dan perpaduan antara penganut pelbagai agama, membina kesedaran dan semangat muhibbah antara penganut pelbagai agama dan membincangkan bagaimana kefahaman tentang nilai agama dapat membantu dalam menangani isu-isu semasa yang melibatkan hubungan sosial antara agama. Sementara itu, pada tahun yang sama (tahun 2017), Forum Best Practice Inter-Religious Dialogue turut diadakan anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama (JKMPKA) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Selanjutnya, program "*Harmony Visit Activity*" (Ziarah Harmoni) yang bertemakan Keharmonian Agama Asas Perpaduan merupakan satu lagi program libat sama masyarakat yang mempamerkan semangat solidariti antara penganut beza agama di Sabah. Program sehari yang diadakan pada 25 Ogos 2018 merupakan program yang disertai secara langsung oleh pengkaji dan turut terlibat sebagai penganjur bersama sebagai Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Program Keharmonian antara Penganut Agama di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) cawangan Sabah. Program ini merupakan anjuran JPNIN) cawangan Sabah dengan kerjasama JKMPKA, UMS, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Persatuan Rumah-Rumah Ibadah Negeri Sabah, Jiran Muda Bandaraya Kota Kinabalu dan Jiran Wanita Bandaraya Kota Kinabalu. Program *Harmony Visit* ini merupakan aktiviti yang julung kali diadakan secara besar-besaran di Sabah yang melibatkan aktiviti lawatan ke rumah-rumah ibadah di sekitar Bukit Padang, Kota Kinabalu. Perasmian majlis penutupan program dilaksanakan oleh mantan YAB Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, Datuk Aidi Mokhtar. Program ini turut dihadiri YB Senator Waytha Moorthy Ponnusamy, mantan Menteri Perpaduan dan Kesejahteraan Rakyat serta wakil agensi kerajaan yang lain. Penganjuran program ini bermatlamat untuk memupuk semangat penerimaan dan perasaan kasih sesama kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa, memupuk semangat kesepaduan penganut pelbagai agama dalam menghadapi cabaran masa hadapan, dan melahirkan masyarakat yang progresif dan saling bekerjasama antara satu sama lain (Laman

sesawang Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2018). Antara pengisian yang diadakan termasuklah lawatan ke rumah ibadah terpilih di sekitar Bukit Padang seperti Tokong Tzer Ying, Gereja Mary Immaculate, Kuil Sri Pasupathinath Alayam dan berakhir di Masjid Nurul Hikmah Bukit Padang.

Berdasarkan pemerhatian ikut serta dalam program *Harmony Visit* yang dijalankan pada 25 Ogos 2018, program libat sama ini telah menggambarkan suasana solidariti agama di Sabah. Semangat kekitaan dan sikap cinta kedamaian dan benci permusuhan begitu menonjol dalam hubungan inter-komuniti di Sabah. Semangat dan sikap positif ini tidak hanya ditunjukkan oleh pemimpin pelbagai agama daripada kalangan jawatankuasa masjid, gereja, kuil dan tokong tetapi juga turut ditonjolkan daripada sikap kerjasama masyarakat setempat di sekitar bandar raya Kota Kinabalu yang turut sama menjayakan program ini melalui aktiviti berjalan kaki daripada gereja Immaculate ke Kuil Sri Pasupathinath Alayam dan berakhir di Masjid Nurul Hikmah Bukit Padang (Gambar 1). Sebagaimana yang dilaporkan oleh Encik Faiz Mohd Zahri, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat JPNIN, menyatakan seramai 405 orang menyertai program ini yang terlibat dalam aktiviti lawatan secara berjalan kaki dari rumah ibadah ke rumah ibadah yang lain. Penelitian penulis mendapati semangat persahabatan tanpa mengenal perbezaan agama dan etnik dapat dilihat daripada penglibatan masyarakat setempat yang tidak kekok dan tidak merasa janggal ketika dibawa melawat kawasan rumah ibadah penganut agama lain. Di samping itu, suasana *ta'aruf* (saling berkenalan), *tafahum* (saling memahami dan menghormati) dan *ta'awun* (saling bertolongan) jelas kelihatan sepanjang program berlangsung. Suasana tersebut berlangsung secara 'natural' dan memperlihatkan solidariti yang amat tinggi dalam kalangan masyarakat Sabah yang terlibat. Gambar 1 menunjukkan penglibatan ikut serta pengkaji bersama rakan-rakan sekerja sewaktu program berlangsung.



GAMBAR 1. Program *Harmony Visit*, 25 Ogos 2018 di Bukit Padang, Kota Kinabalu, Sabah

### KELUARGA CAMPUR AHLI YANG BERBEZA AGAMA

Solidariti agama turut dapat dilihat daripada situasi keluarga campur yang berbeza agama di Sabah. Keluarga campur ini merupakan satu fenomena sosial yang berlaku secara meluas dan diterima baik sebagai satu kelaziman sosial. Fenomena ini dibuktikan tidak hanya melalui perkahwinan campur antara etnik, malah turut melibatkan perkahwinan campur antara agama sehingga berlakunya proses penukaran agama (Suraya & Budi Anto 2016). Keluarga beza agama didefinisikan sebagai perhubungan campuran antara dua pihak yang berlainan agama dalam sebuah keluarga, atau dikenali sebagai *interfaith family* atau *mixed-faith family* yang dirujuk kepada keluarga campuran atau keluarga beza agama (Nesbitt 2004; Weller 2001). Fenomena ini bukanlah suatu yang baru, malahan ia telah menjadi 'trend' global dan transnasional yang sekaligus menunjukkan peningkatan keluarga beza agama (Birtwistle 2006; Gordon & Arenstein 2017).

Namun begitu, konsep keluarga beza agama ini agak berbeza dalam konteks Malaysia khususnya di Sabah. Keluarga beza agama merupakan hasil

daripada perkahwinan campur yang melibatkan dua situasi berikut: i) perkahwinan campur antara pasangan yang berbeza agama yang melibatkan pengekalan agama daripada pasangan masing-masing; ataupun ii) perkahwinan yang melibatkan penukaran agama kepada Islam bagi pasangan bagi membolehkan perkahwinan berlaku dengan pasangan Muslim. Atau dalam erti kata lain, situasi i) keluarga beza agama dibentuk daripada pasangan yang tidak melibatkan penukaran agama kepada Islam; dan situasi ii) keluarga beza agama dibentuk hasil

daripada perkahwinan yang melibatkan penukaran agama kepada Islam (Suraya, 2014). Sehubungan itu, tinjauan kajian lapangan di Keningau dan Kota Marudu yang dijalankan pada 18 September 2020 dan 21 Januari 2021 melalui kaedah temu bual secara rawak kepada 65 isi rumah atau wakil keluarga mendapati hampir semua informan ini mempunyai keluarga beza agama yang terdiri daripada dua hingga empat agama dalam satu keluarga. Hasil dapatan tinjauan ini dapat diperhatikan melalui jadual dan rajah di bawah.

JADUAL 1. Taburan agama keluarga campur yang berbeza agama

Daerah	Kumpulan etnik	No. Keluarga	Bilangan agama dalam keluarga	Jenis-jenis agama dalam keluarga		
				Muslim	Pagan	Kristian
Keningau	Dusun	1	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Dusun	2	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Murut	3	3	Muslim		Kristian
	Murut	4	2	Muslim		Kristian
	Dusun Lobou	5	2	Muslim		Kristian
	Dusun	6	2	Muslim		Kristian
	Dusun	7	2	Muslim		Kristian
	Murut	8	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Kadazan	9	2	Muslim		Kristian
	Murut	10	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Visaya	11	2	Muslim		Kristian
	Visaya	12	2	Muslim		Kristian
	Dusun	13	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Dusun	14	2	Muslim		Kristian
	Iban-Murut	15	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Murut	16	2	Muslim		Kristian
	Murut	17	2	Muslim		Kristian
	Visaya	18	2	Muslim		Kristian
	Murut	19	2	Muslim		Kristian
	Murut	20	2	Muslim		Kristian
	Murut	21	2	Muslim		Kristian
	Murut	22	2	Muslim		Kristian
	Murut	23	2	Muslim		Kristian
	Kadazan	24	2	Muslim		Kristian
	Visaya	25	2	Muslim		Kristian
	Dusun	26	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Kadazan	27	4	Muslim	Pagan	Kristian
	Dusun	28	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Dusun	29	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Kadazan	30	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Kadazan	31	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Dusun	32	3	Muslim		Kristian
	Kadazan	33	3	Muslim		Kristian


*bersambung...*

...sambungan

	Sino-Kadazan	34	3	Muslim		Kristian
	Kadazan	35	4	Muslim	Pagan	Kristian
	Rungus	36	2	Muslim		Kristian
	Kadazan	37	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Kadazan	38	4	Muslim	Pagan	Kristian
	Dusun	39	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Kadazan	40	3	Muslim		Kristian
	Murut	41	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Rungus	42	2	Muslim		Kristian
	Murut	43	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Murut	44	2	Muslim		Kristian
	Kadazan	45	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Rungus	46	2	Muslim		Kristian
	Dusun	47	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Kadazan	48	2	Muslim		Kristian
	Kadazan	49	2	Muslim		Kristian
	Dusun	50	2	Muslim		Kristian
	Kadazan	51	3	Muslim		Kristian
	Rungus	52	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Rungus	53	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Rungus	54	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Rungus	55	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Rungus	56	2	Muslim		Kristian
	Rungus	57	3	Muslim	Pagan	Kristian
Kota Marudu	Rungus	58	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Rungus	59	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Dusun	60	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Dusun	61	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Dusun	62	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Dusun	63	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Dusun	64	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Dusun	65	3	Muslim	Pagan	Kristian
	Jumlah		65	33	65	1

Sumber: Kajian lapangan pada 18 September 2020 dan 21 Januari 2021 di Keningau dan 4 April 2021 di Kota Marudu

**Bilangan Agama Keluarga Beza Agama**



RAJAH 2. Bilangan Agama dalam Keluarga Campur yang Berbeza Agama

Sumber: Kajian lapangan pada 18 September 2020 dan 21 Januari 2021 di Keningau dan 4 April 2021 di Kota Marudu

Jadual 1 dan Rajah 1 di atas menunjukkan taburan agama dalam keluarga beza agama yang diperoleh daripada hasil tinjauan temu bual secara rawak semasa kajian lapangan di Keningau dan Kota Marudu. Hasil kajian menunjukkan keluarga campur boleh ditemui di mana-mana dalam masyarakat Sabah khususnya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman daripada kalangan etnik peribumi Sabah seperti Kadazan, Dusun, Rungus, Murut dan sebagainya. Kebanyakan keluarga campur mempunyai tiga agama yang pada asalnya datuk dan nenek mereka ialah Pagan dan setelah kedatangan agama Islam dan Kristian, anak-anak mereka akan menerima salah satu daripada agama ini sama ada dipengaruhi oleh faktor sejarah mahupun faktor perkahwinan ataupun faktor lain. Jika diperhatikan pada Jadual 1, agama yang mendominasi bagi setiap agama keluarga campur iaitu agama Islam dan Kristian. Namun terdapat juga ahli keluarga yang beragama Buddha, Sikh dan mereka yang masih kekal dengan agama nenek moyang iaitu pagan. Dalam konteks masyarakat di Sabah, fenomena ini terbentuk disebabkan landskap sosial masyarakat Muslim dan bukan Muslim yang saling hidup bersama, saling bergantung serta saling berinteraksi dalam aktiviti seharian yang melibatkan aspek sosial, ekonomi, politik dan pendidikan. Maka perkara ini menjadi faktor luaran yang mendorong berlakunya perkahwinan campur sehingga membentuk keluarga campur yang berbeza agama.

Dengan wujudnya ikatan kekeluargaan rentas agama, semangat solidariti terbentuk secara semula jadi atau alami tanpa paksaan kerana telah terbina ikatan kasih sayang dan sikap saling menghormati dalam hubungan kekeluargaan. Kajian Suraya et al. (2013) menyatakan, “*The results confirm that living in a multi-faith surrounding is not a forbidding factor in developing religious and cultural tolerance amongs the family members*”.

#### HUBUNGAN SOSIAL ANTARA AGAMA DI PEDALAMAN SABAH

Hubungan antara agama di pedalaman Sabah merupakan satu lagi contoh fenomena sosial yang mempamerkan solidariti agama dalam hubungan inter-komuniti di Sabah. Kajian awal menunjukkan rukun tetangga berperanan dalam mewujudkan kesepaduan sosial di kawasan kejiranan di bandar (Mohd. Syariefudin et al. 2013). Namun situasi ini berbeza sekiranya dilihat dalam konteks masyarakat pedalaman Sabah yang turut dicirikan dengan kepelbagaian agama dan etnik. Kesepaduan sosial tidak dibentuk secara berstruktur melalui penubuhan institusi tertentu, sebaliknya fenomena ini berlaku secara spontan melalui interaksi seharian dan pengalaman tinggal bersama di kawasan perkampungan dan kejiranan yang sama. Melalui fenomena sosial inilah elemen dan indikator

kesepaduan sosial dibina sehingga membentuk anggota masyarakat yang sedia berkompromi dan mudah berunding dalam meleraikan sebarang isu dan konflik yang melibatkan etnik dan agama (Suraya et al. 2019).

Kajian Suraya et al. (2019) menunjukkan kesepaduan sosial dalam hubungan antara agama di pedalaman Sabah dipupuk dan disemai melalui interaksi seharian di pelbagai peringkat lapisan masyarakat awam. Interaksi seharian yang mempamerkan penglibatan pelbagai pihak sama ada Muslim dan bukan Muslim dalam aktiviti seharian yang melibatkan hubungan antara penganut agama berbeza dapat dilihat dalam beberapa indikator. Misalnya, situasi makan bersama di meja makan yang dihidangkan makanan halal dan non-halal, tinggal bersama dengan ahli keluarga berbeza agama, menyambut perayaan bersama, menghadiri upacara penyelenggaraan jenazah ahli keluarga berbeza agama, menyediakan juadah sahur dan *sungkai* (berbuka puasa) untuk keluarga Muslim, membenarkan ibadah solat dilaksanakan di rumah keluarga bukan Muslim dan menghadiri majlis tahlil bagi keluarga Muslim merupakan elemen dan indikator penting yang merangsang dan memupuk kesepaduan sosial di pedalaman Sabah. Kajian tersebut juga mendapati nilai kebersamaan dan semangat solidariti begitu jelas dipamerkan melalui upacara yang melibatkan majlis pengebumian apabila pihak berbeza agama sama-sama bersepakat untuk turut serta mengendalikan majlis pengebumian tersebut.

Hasil kajian lapangan di Tambunan pada 27 Julai 2019 dan temu bual bersama Brother Peter Ng, iaitu mantan guru di SMK. St. Mary Sandakan, SM. La Salle Kota Kinabalu dan SM. St. Francis Keningau dan kini bertugas sebagai Brother Kristian di SM St. Martin, Tambunan. Beliau yang ditugaskan menjaga hal ehwal pendidikan agama Kristian di Tambunan berasal dari Perak dan telah tinggal di Sabah selama 48 tahun. Hasil temu bual bersama beliau menyatakan sepanjang berada di Sabah, iaitu selama 32 tahun bertugas sebagai guru dan Pengetua di SM St. Martin, Tambunan dan kini masih menetap di Tambunan selepas pencen, beliau tidak pernah mendengar sebarang isu yang melibatkan pertelingkahan antara penganut agama berbeza. Beliau selalu hadir majlis perkahwinan orang Muslim dan Hari Raya. Beliau menyifatkan hubungan sosial antara agama di Tambunan adalah sangat bagus dan agak sukar ditemui hubungan harmonis sebegini di mana-mana.

Selain itu, hasil kajian lapangan di Tenom dan temu bual yang dijalankan pada 15 Disember 2017 dengan Pegawai JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Negeri Sabah) cawangan Tenom, Ustaz Mohd. Yakob Ismail menyatakan terdapat kawasan tanah perkuburan yang bersebelahan antara Muslim dan Kristian di kawasan Kg.Cinta Mata. Manakala di Kampung Tondolu, Tambunan terdapat tanah perkuburan Islam yang ada sekarang ini merupakan bekas tapak perkuburan Kristian (Temu bual bersama En. David Benedict, 25 Julai 2019). Tinjauan kajian lapangan di Kota Marudu pula, iaitu di Kg. Damai pada 4 April 2021, mendapati tiga tanah perkuburan Islam, pagan dan Kristian berada di lokaliti yang sama dengan pengasingan lot perkuburan untuk ketiga-tiga agama berbeza. Situasi yang sama turut dapat dilihat di Kg. Bingkor, Keningau tanah perkuburan saling bersebelahan. Hal ini menunjukkan kesediaan Muslim dan bukan Muslim untuk mewujudkan semangat kebersamaan dan kekitaan dalam hubungan antara agama tidak hanya melibatkan hubungan seharian tetapi juga hubungan sosial yang melibatkan aspek keagamaan. Fenomena sosial ini secara tidak langsung mendorong ke arah pembinaan nilai *tafahum* (saling memahami dan menghormati), *ta'awun* (saling bertolongan dan menghormati) yang sejajar dengan nilai kesepaduan sosial (*ta'amul*) dalam kalangan masyarakat setempat yang berbeza agama. Hubungan dua hala yang bersifat timbal balik antara Muslim dan bukan Muslim ini juga menunjukkan semangat asabiah sehingga dapat membangkitkan semangat cinta kedamaian dan rasa keinsanan antara pihak berbeza agama.

#### FUNGSI INTEGRATIF AGAMA SEBAGAI PENCETUS SEMANGAT SOLIDARITI

Situasi hubungan masyarakat beragama antara Muslim dan bukan Muslim di Sabah menonjolkan satu bentuk kerjasama damai dalam interaksi inter-komuniti yang berbeza agama dan etnik. Hubungan sebegini boleh ditafsirkan sebagai sebuah masyarakat yang membudayakan semangat kekitaan atau solidariti sehingga melahirkan satu bentuk perkongsian hidup bersama dalam pelbagai aspek kehidupan. Dapat dirumuskan bahawa titik tolak kepada keharmonian hubungan antara penganut agama berbeza di Sabah didorong daripada interaksi seharian yang melibatkan pergaulan, pertemuan, perkenalan dan tinggal bersama sehingga melahirkan budaya kerjasama damai dan elakkan permusuhan dalam masyarakat. Hal ini berlaku kerana wujud

ikatan keserumpunan dalam kalangan komuniti Sabah yang berbeza etnik dan agama, namun tetap bersatu di bawah naungan rumpun Melayu. Justeru, perkongsian budaya dalam etnik yang berbeza mudah berlaku dan kesalingfahaman mudah disemai sejak zaman kanak-kanak sehingga dewasa atas teras kekitaan dan kesepaduan sosial.

Kesepaduan sosial yang dibentuk melalui interaksi seharian inilah yang turut membangkitkan semangat solidariti yang cinta perdamaian tidak hanya dalam lingkungan keluarga tetapi juga jiran tetangga yang berbeza agama. Melalui semangat solidariti yang dibina berasaskan prinsip kedamaian dan elakkan permusuhan, hubungan harmonis dapat dipupuk sehingga konflik dapat dielakkan atas dasar wujudnya sikap mudah berkompromi dalam perkara yang tidak dapat disepakati bersama khususnya perkara yang melibatkan ajaran pokok agama (*the core religious teaching*). Dengan lebih jelas lagi, solidariti agama dibina berasaskan prinsip “*agree to disagree*” dan prinsip Quranik “bagi kamu agama kamu dan bagi kami agama kami”. Frasa ayat ini jelas menekankan bahawa sekalipun setiap komuniti saling hidup bergantung dan bekerjasama memastikan kelangsungan hidup yang aman dan makmur, namun wajar difahami bahawa tidak wujud kompromi dalam bab berkaitan agama dan akidah. Ayat al-Qur’an tersebut (Surah al-Kafirun, 109 ayat 6) menegaskan bahawa setiap individu berhak melaksanakan tuntutan dan falsafah agama masing-masing tanpa mengganggu gugat hak individu lain. Juga tiada paksaan kepada individu lain untuk turut sama meraikan agama yang lain. Setiap perkara ada batas dan had. Justeru, sikap saling menghormati amat penting dalam situasi seumpama ini (Khadijah Mohd Khambali @ Hambali 2020).

Sesungguhnya agama berperanan sebagai fungsi integratif yang menyatukan masyarakat Sabah sama ada mereka yang tinggal di pedalaman mahupun di bandar. Solidariti mekanik dapat dilihat dalam masyarakat pedalaman yang terdiri daripada etnik peribumi Sabah (*native people of Sabah*) yang rata-ratanya mempunyai pekerjaan yang sama dan terlibat dalam kegiatan sosio-ekonomi yang hampir sama yang tertumpu dalam sektor pertanian dan peniagaan kecil-kecilan. Manakala dalam aspek agama, ciri persamaan ialah kebanyakan isi rumah mempunyai keluarga campur yang terdiri daripada ahli yang berbeza agama dan etnik. Perbezaan ialah terdapat ahli keluarga yang berbeza agama ini yang tinggal bersama sepanjang masa dan terdapat juga dari kalangan keluarga campur ini yang tinggal

secara bermusim atau berkala mengikut keadaan apabila terdapat majlis keramaian atau perayaan untuk disambut bersama. Situasi ini secara tidak langsung telah memupuk semangat solidariti antara anggota masyarakat tanpa mengira perbezaan agama dan etnik. Bagi masyarakat bandar pula, jarak sosial antara mereka dapat dirapatkan tidak hanya melalui pelbagai sektor pekerjaan tetapi juga penglibatan mereka dalam program libat sama masyarakat yang berfungsi untuk kesejahteraan masyarakat tetapi juga berperanan merealisasikan pembangunan negara.

Justeru, kebersamaan dan kebergantungan antara pihak berbeza agama di Sabah dalam aktiviti kemasyarakatan dan hubungan kekeluargaan di mana pun mereka berada berlaku secara alami (*natural*) tanpa paksaan. Boleh dikatakan *deep rooted prejudice* atau perasaan prejudis tidak tertanam kuat bagi membolehkan mereka duduk makan semeja, mengadakan lawatan muhibah di tempat suci agama dan berhimpun bersama mendengar bual bicara yang berkaitan dengan aspek keagamaan. Situasi ini menunjukkan agama mampu berperanan sebagai pengukuh integrasi sosial dan pembangkit semangat solidariti. Melalui sikap sebeginilah, masyarakat Sabah sering dilabel sebagai toleran dan mempunyai ketahanan diri yang tinggi dalam menghadapi cabaran hubungan antara agama. Kajian ini merumuskan solidariti agama perlu disuburkan bagi menjamin kelangsungan keharmonian hidup bersama masyarakat Malaysia.

## KESIMPULAN

Solidariti agama yang dibina berasaskan prinsip cinta perdamaian dan benci permusuhan berupaya digambarkan melalui hubungan inter-komuniti di Sabah yang mengambil kira pemaknaan *al-muwatinun* dan *al-insaniyyah*. Beberapa hasil kajian yang diperolehi melalui pengalaman ikut serta di lapangan sama ada di kawasan bandar Kota Kinabalu dan di pedalaman Sabah seperti di Keningau, Kota Marudu, Tenom dan Tambunan membuktikan Sabah sememangnya boleh dijadikan model keharmonian atas keupayaan negeri ini mengurus kepelbagaian dengan cara berhemah dan bijaksana. Pendekata, solidariti yang berpaksikan prinsip interaksi dialog “*agree to disagree*” dan prinsip Quranik “*bagi kamu agama kamu dan bagi kami agama kami*” formula terbaik yang membenihkan sikap harmonis dalam jiwa masyarakat. Usaha ini jelas bukan bertujuan untuk menyamaratakan atau mencampuradukkan agama yang berbeza. Peri pentingnya prinsip ini



kerana ia mampu menanamkan sikap penerimaan, mudah mengakomodasikan diri dalam pelbagai situasi dan melahirkan anggota masyarakat yang cinta perdamaian dan benci permusuhan dan dapat dipraktikkan oleh setiap agama yang berbeza. Kesepaduan sosial di Sabah ini juga terserlah dalam prinsip interaksi yang berasaskan sikap *ta'aruf* (saling kenal mengenali), *tafahum* (saling memahami dan menghormati), *ta'awun* (saling bertolongan) dan *takaful* (saling bekerjasama atau saling melindungi) yang menekankan sikap kesalingan bagi memupuk semangat solidariti, kekitaan dan kebersamaan sesama komuniti Sabah yang beraneka etnik, kepercayaan, budaya, tradisi, bahasa hingga melahirkan *mahabbah* (kasih sayang) dan *tasamuh* (sikap keterbukaan dan toleransi) yang memasakkan suasana harmoni dan makmur. Hasil kajian ini berupaya menjadi sebuah model untuk diteladani oleh negara-negara luar yang turut dibentuk daripada kepelbagaian etnik dan agama.

#### PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas pembiayaan dana penyelidikan ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRG0527-1/2019) Projek ID MyGrants 17600 Ref. Code FRGS/1/2019/SSI05/UMS/02/1 dan skim geran penyelidikan Universiti Malaysia Sabah kod SBK0341-2017.

#### RUJUKAN

- Al-Qaradawi, Yusuf. 2010. *Al-Watan wa al-Muwatanah*. Kaherah: Dar al Shuruq.
- Azizah Kassim. 2004. Inter-ethnic Marriage and their Implications on their Ethnic Integration in Sabah. *Laporan Penyelidikan Fundamental* (tidak diterbitkan).
- Azizan Baharuddin dan Zaid Ahmad. 2004. *Laporan Penyelidikan Kajian Isu dan Cabaran Hubungan antara Penganut Agama di Malaysia*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Barkin, D., & Lemus, B. 2014. Rethinking the social and solidarity society in light of community practice. *Sustainability* 6(9): 6432-6445.
- Bernama. 2019. Himpunan Solidariti: Wakil agama sampai mesej senada, tolak kebencian, semai kedamaian, 23 Mac. <https://www.astroawani.com/beritamalaysia/himpunan-solidariti-wakil-agama-sampaimesej-senada-tolak-kebencian-semait-kedamaian-201939>. Akses pada 15 September 2020.
- Birtwistle, R. 2006. Daylight and darkness: Images of Christians in mixed marriages. *Islam and Christian-Muslim Relations* 17(3): 331-342. <https://doi.org/10.1080/09596410600795001>
- Brunkhorst, H. 2005. *Solidarity: From Civic Friendship to a Global Legal Community*. Cambridge, Mass., MIT press.
- Budi Anto Mohd. Tamring dan Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2020. "Hubungan Kaum di Sabah: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH) 5(10): 95-104.
- Budi Anto Mohd. Tamring. 2008. *Pengaruh Agama dalam Interaksi dan Toleransi Etnik: Kajian Kes ke atas Pelajar Bumiputera Sabah di Universiti Malaysia Sabah*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan).
- C. Mishra & N. Rath. 2020. "Social solidarity during a pandemic: Through and beyond Durkheimian Lens." *Social Sciences & Humanities Open* 2, 100079: 1-7.
- Chua Bee Siok, Jasmine Adela Mutang & Lailawati Madlan. 2016. "Persepsi Kumpulan Multi-etnik di Sabah terhadap Etnik diri dan Etnik Lain." *Jurnal MANU*, 24: 111-145.
- Cladis, M. S. 2017. "Solidarity, religion, and the environment: challenges and promises in the 21st Century". *Changing Societies & Personalities* 1(4): 353-372.
- Dictionary, M. W. 1841. *Merriam-webster*. Dipetik <http://www.mw.com/home.htm>. Akses pada 3 Julai 2020.
- Draper, S. 2014. "Effervescence and solidarity in religious organizations." *Journal for the Scientific Study of Religion* 53(2): 229-248.
- Durkheim, E. 1933. *The Division of Labor in Society*. Translated by George Simpson. New York: The Free Press
- Gordon, S. C., & Arenstein, B. 2017. Interfaith education: A new model for today's interfaith families. *International Review of Education*. <https://doi.org/10.1007/s11159-017-9629-2>
- Hasan Mat Nor. 2007. Agama dan Hubungkaitnya dengan Toleransi Etnik di Sabah d dalam Sabihah Osman. Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial di Negeri Sabah. *Laporan Penyelidikan IRPA* (tidak diterbitkan).
- Huwaidiy, Fahmi. 1999. *Muwaatinun La Dhimmiyyun*. Kaherah: Dar al Shuruq.
- Hechter, M. 2015. Solidarity, Sociology of. In *International Encyclopedia of the Social & Behavioral Sciences: Second Edition* (pp. 6-9).
- Ibnu Khaldun. 2009. *Mukaddimah*. Terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ilham, M. 2016. Konsep 'Ashabiyah dalam pemikiran politik Ibnu Khaldun. *Jurnal Politik Profetik*. 4(1).
- Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional. 2018. *Program keharmonian antara agama 2018, anjuran Perpaduan Negeri Sabah*. Dipetik daripada laman sesawang <https://www.jpnn.gov.my> pada 21 September 2020.

- Johnson, D. P. (2008). Contemporary sociological theory: An integrated multi-level approach. In *Contemporary Sociological Theory: An Integrated Multi-Level Approach*. <https://doi.org/10.1007/978-0-387-76522-8>
- Joseph, C. L. 2016. Redefining cultural, national, and religious identity: The Christian vodouist dialogue? *Theology Today* 73(3): 241-262.
- Khadijah Mohd. Khambali@Hambali. 2020. "Kepelbagaian dan kesatuan dalam konteks Fiqh al-Ta'ayush di Malaysia menurut perspektif Pemikiran Islam". *Jurnal Afkar*, 22 (1): 73-102.
- Kntayya Mariappan. 2007. Tahap Toleransi Etnik di Sabah: Analisis Awal dalam Sabihah Osman. Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial di Negeri Sabah. *Laporan Penyelidikan IRPA* (tidak diterbitkan).
- Laporan Tahunan Hidayah Centre Foundation (HCF) Cawangan Sabah, 2016.
- Ma'arif, Ahmad Syafi'i. 1996. *Ibnu Khaldun dalam pandangan penulis Barat dan Timur*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Mahadevan, K. 2020. *Social solidarity or individual perfection*. Classical Buddhism, Neo-Buddhism and the Question of Caste.
- Mahdavi, M. R., & Entezari, A. 2020. Social religiosity and national solidarity: A comparison between Iranian and Indian Youths. *Journal of Critical Reviews* 7(2): 204-213.
- Mohd. Syarifudin A., Mohd Mahadee I. & Mansor M. N. 2013. Kesepaduan Sosial dan Kejiranan di kawasan Rukun Tetangga. *Jurnal Kinabalu*, 19: 53-75.
- Muhammad Mahmud Rabie'. 1967. *The political theory of Ibnu Khaldun*. Leiden: E. J. Brill.
- Nesbitt, E., 2004, *Intercultural Education: Ethnographic and Religious Approaches*. Sussex Academic Press, Brighton.
- Polat, R. K. 2018. Religious solidarity, historical mission and moral superiority: construction of external and internal 'others' in AKP's discourses on Syrian Refugees in Turkey. *Critical Discourse Studies* 15(5): 500-516.
- Pugh-Kitingan, J. 2015. Cultural and Religious Diversity in Sabah and Relationships with Surrounding Areas. In *Islam and Cultural Diversity in Southeast Asia*. ILCAA: Tokyo University of Foreign Studies.
- Redekop, C. 1967. Toward an understanding of religion and social solidarity. *Sociological Analysis* 28(3): 149-161.
- Sabihah Osman. Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial di Negeri Sabah. *Laporan Penyelidikan IRPA* (tidak diterbitkan).
- Siddiq Fadhil. 'Demokrasi, Pluraliti dan PRU13'. *Konvensyen Percerdasan Umat*. (Shah Alam, 9 Mac 2013).
- Siti Aliyuna P., Hidayat, T., & Sari, D. S. 2019. When solidarity is trampled by religious sentiment: outlining Indonesian Muslim solidarity toward Rohingya Refugees. *Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik* 23(1): 1-13.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Latifah Abdul Latiff. 2017. Semangat Kekitaan Melalui Teori 'Asabiyah Ibnu Khaldun: Aplikasi dalam Masyarakat Multi Etnik Malaysia. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin*. 7-8 Oktober.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Siti Nor Baya Mat Yacob, Latifah Abdul Latiff, & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. 2020. Analisis Pandangan Pakar Mengenai Karakteristik 'Asabiyyah Ibnu Khaldun- Satu Kajian Awal. *Proceedings of the 7<sup>th</sup> International Prophetic Conference (SWAN) 2020*: 213-222.
- Steinbach, A. & Silverstein, M. 2020. The relationship between religion and intergenerational solidarity in Eastern and Western Germany. *Journal of Family Issues* 41(1): 109-130.
- Stjernø, S. 2004. *Solidarity in Europe: The History of an Idea*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Suraya Sintang, Budi Anto Mohd. Tamring, Nur Farhana Abdul Rahman, Siti Aidah Hj. Lukin, Halina Sendera Mohd. Yakin. 2019. Kesepaduan Sosial dalam Hubungan antara Agama di Pedalaman Sabah. *Borneo International Journal* 2 (1): 5-15.
- Suraya Sintang dan Budi Anto Mohd. Tamring. 2014. "Fenomena Kahwin Campur dalam Masyarakat Keningau di Sabah: Satu Penelitian Awal." *Kertas kerja The International Social Development Conference (ISDC)*, Langkawi 12 Ogos.
- Suraya Sintang, Khadijah Moohd. Khambali@Hambali, Nurhanisah Senin, Nur Farhana Abdul Rahman. 2013. The Culture of Tolerance in Families of New Muslims Convert. *Middle East Journal of Scientific Research*: 669-678.
- Suraya Sintang. 2003. Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin* 18: 59-80.
- Suraya Sintang. 2012. *Dialog Kehidupan dalam Pengalaman Saudara baru di Sabah*. Tesis PhD. Universiti Malaya (tidak diterbitkan).
- Uthman, Muhammad Fathi. 2010. *Huquq al-Insan Bayn al-Shari'ah al-Islamiya wa al-Fikru al-Qamuni al-Gharbi*. Kaherah: Dar al-Jamiah al-Jadidah.
- Weller, P. 2001. *Religions in the UK: A Directory, 2001-3*, University of Derby in association with the Multi-Faith Centre, Derby.
- Wilde, L. 2007. The concept of solidarity: emerging from the theoretical shadows? *The British Journal of Politics and International Relations* 9(1): 171-181.
- Zulkifli Hasan. 2016. Keselarian antara Demokrasi dan Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 13: 77-78.
- Temu bual bersama Informan:  
En. David Benedict  
Bendahari Paroki Gereja St. Teresa, Tambunan  
Termubual 25 Julai 2019  
Kg. Tondulu, Tambunan

Ustaz Mohd. Yakob Ismail  
Pegawai JHEAINS cawangan Tenom  
Temu bual 15 Disember 2017  
Pejabat JHEAINS, Tenom

Brother Peter Ng  
Brother SM. St Martin Tambunan  
Pesara Guru  
Temu bual 27 Julai 2019  
Kediaman beliau di St. Martin  
Tambunan

Suraya Sintang  
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah  
88540 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: suraya@ums.edu.my

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (*corresponding author*)  
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
Email: ijamh@um.edu.my

Mohd Nazmi bin Mohd Khalli  
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah  
88450 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: nazmikhalli.nk@gmail.com

Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin  
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,  
Universiti Malaysia Sabah,  
Kampus Antarabangsa Labuan  
Jalan Sg. Pagar, 87000, WP Labuan  
Email: mnhidayath\_h@ums.edu.my

Received: 1 November 2020

Accepted: 24 March 2022